

TAHAP KESEDIAAN UNTUK BERUBAH DALAM KALANGAN KLIEN PEMULIHAN DADAH DARI PERSPEKTIF KAUNSELOR PELATIH

STAGES OF READINESS FOR CHANGE AMONG DRUG REHABILITATION CLIENTS FROM THE PERSPECTIVE OF TRAINEE COUNSELORS

Heng Tick Chuen ^{1*}
Norsayyidatina Che Rozubi ¹
Syazwana Aziz ¹
Puteri Hayati Megat Ahmad ¹

¹ Jabatan Psikologi dan Kaunseling, Fakulti Pembangunan Manusia, Tanjong Malim dan 35900, Perak, Malaysia

*Corresponding author: hengtickchuen@gmail.com

Article history

Received date : 22-11-2025

Revised date : 23-11-2025

Accepted date : 28-12-2025

Published date : 15-1-2026

To cite this document:

Heng, T. C., Che Rozubi, N., Aziz, S., & Megat Ahmad, P. H. (2026). Tahap kesediaan untuk berubah dalam kalangan klien pemulihan dadah dari perspektif kaunselor pelatih. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (80), 1 – 12.

Abstrak: Rawatan kaunseling penyalahgunaan dadah adalah berbeza dengan kaunseling tradisional. Keperluan untuk melihat kesediaan untuk berubah dalam kalangan klien adalah antara aspek yang mesti dikuasai oleh kaunselor penyalahgunaan dadah. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti perbezaan tahap kesediaan untuk berubah antara klien sukarela dan klien di bawah perintah mahkamah melalui temubual yang dilaksanakan oleh kaunselor pelatih yang dikaji. Kajian ini menggunakan keadah kuantitatif melalui keadah kajian tinjauan terhadap kaunselor pelatih dengan menggunakan senarai semak. Dapatan deskriptif menunjukkan terdapat perbezaan dari segi kesediaan untuk berubah antara kedua-dua kumpulan klien yang dikaji. Klien sukarela cenderung menunjukkan tahap kesediaan yang lebih tinggi berbanding klien di bawah perintah mahkamah (mandatori). Dapatan kajian ini menyumbang kepada pemahaman kaunselor mengenai tahap kesediaan untuk berubah penagih dadah yang mana akan membantu ke arah perkhidmatan membantu yang lebih cekap.

Kata Kunci: penyalahgunaan dadah, tahap kesediaan untuk berubah, klien sukarela, klien di bawah perintah mahkamah, relaps

Abstract: Drug abuse counselling treatment is different from traditional counseling. The need to determine readiness to change among clients is one of the aspects that must be mastered by drug abuse counsellors. This study aims to identify differences in the level of willingness to change between voluntary clients and clients under court orders through interviews conducted by the trainee counselors studied. This study uses a quantitative method through a checklist study of trainee counselors. The data was collected through a questionnaire. Descriptive findings show that there are differences in terms of willingness to change between the two groups of clients studied. Voluntary clients tend to show a higher level of readiness compared

to clients under court orders (mandatory). The findings of this study contribute to the counselor's understanding of the level of readiness to change drug addicts which will help towards more efficient process helping.

Keywords: *drug abuse, level of readiness to change, voluntary clients, client under court orders, relapse*

Pengenalan

Penyalahgunaan dadah boleh ditakrifkan sebagai penggunaan dadah yang kerap dan berlebihan tanpa prekripsi arahan ataupun nasihat daripada pakar perubatan. Aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan termasuklah menjual, memiliki dan menyimpan dadah dimana bertentangan tanpa kebenaran yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan ataupun bertentangan dengan Akta Dadah Berbahaya 1952 (Suppiah , Sandra Piriya Perumalsamy Fatimah , & Harikrishnan , 2014).

Pemulihan dadah bertujuan untuk membantu individu yang ketagih menghentikan pencarian dan penggunaan dadah secara kompulsif. Rawatan boleh berlaku dalam pelbagai kaedah, mengambil pelbagai bentuk dan bertahan untuk jangka masa yang berbeza. Ketagihan dadah biasanya merupakan gangguan kronik yang dicirikan sebagai pengambilan berulang sekali-sekala dan rawatan jangka pendek, sekali sahaja biasanya tidak mencukupi (National Institute on Drug Abuse , 2018). Terdapat pelbagai keadah rawatan dan pemulihan penyalahgunaan dadah di pusat-pusat pemulihan di Malaysia seperti keadah psikosial, psikospiritual, farmakologi, kaunseling penyalahgunaan dadah, dan alternatif (Mohd Radhi, Fazliyatun , & Mohd Faizal, 2023).

Latar Belakang Kajian

Penyalahgunaan dadah semakin berleluasa di Malaysia dan ini dapat dibuktikan dengan statistik oleh Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan, Agensi Antidadah Kebangsaan pada 8 Disember 2024 di mana jumlah penyalahgunaan dadah serta bahan mencapai 169,691 orang penagih jauh lebih ramai berbanding tahun 2023 dan 2022 iaitu masing-masing mencatatkan jumlah 145,526 dan 137,176 orang penagih. Justeru rawatan pemulihan dadah diperlukan bagi membantu penagih menangani cabaran yang mereka hadapi.

Situasi jumlah penagih yang semakin meningkatkan ini menunjukkan keperluan kaunselor dalam membantu mencegah serta memberi khidmat sokongan dalam rawatan pemulihan. Kaunselor sekolah memengah memerlukan latihan dalam bidang penyalahgunaan bahan pelajar (Burrow-Sanchez, Lopez, & Slagle, 2008). Haug, Shopshire, Tajima, Gruber & Guydish (2008) menyatakan pemberi rawatan penyalahgunaan bahan menyokong keperluan Evidence-Based Practices yang piawai mampu meningkatkan penjagaan klinikal dan mengubah piawaian rawatan.

Kaunseling penyalahgunaan dadah berbeza dengan kaunseling tradisional. Kaunseling tradisional melibatkan perspektif luas yang meningkatkan pembelajaran untuk transformasi dan integrasi sosial budaya nilai, adat resam dan amalan yang khas bagi setiap masyarakat manusia manakala kaunseling penyalahgunaan dadah berfokus kepada penyelesaian simptom penagihan dan aspek-aspek yang berkaitan dengan fungsi psikososial individu yang terjejas akibat penagihan. Kandungan serta struktur program pemulihan ketagihan yang berterusan menekankan tentang perubahan tingkah laku dengan memberikan strategi daya tindak (coping

strategies) dan tools untuk pemulihan klien (Hector , 2019) & (Mohd Radhi, Fazliyaton , & Mohd Faizal, 2023).

Salah satu keperluan kaunselor penyalahgunaan dadah adalah melihat kesediaan untuk berubah klien melalui Tahap Kesediaan untuk Berubah (Stages of Change) yang diutarakan oleh Prachaska and Diclemente (1983, 1984). Menurut Prachaska and Diclemente (1983, 1984) dalam Connors, Donovan, & Diclemente, (2001) dan Puteri Hayati (2018) menyatakan terdapat lima Tahap Kesediaan untuk Berubah (Stages of Change) seperti jadual berikut:

Jadual 1: Tahap Kesediaan untuk Berubah

Tahap / Stage	Takrifan
Pra-Pertimbangan/ <i>Precontemplation</i>	Tidak langsung fikir untuk berubah. Contoh dialog: "Saya tidak susahkan sesiapa, saya masih sihat, jadi saya tak perlu buat apa-apa." "Apa yang saya tahu saya tiada masalah yang perlu diubah." "Saya mungkin ada buat silap, tetapi tiada apa yang perlu diubah." "Saya ok, sihat tiada masalah."
Pertimbangan/ <i>Contemplation</i>	Fikir untuk berubah tetapi tidak boleh buat keputusan. Contoh dialog: "Saya ada masalah dan patut fikirkan tentang perkara itu." "Saya sedang fikir bahawa saya perlu berbuat sesuatu." "Saya harap saya mempunyai idea untuk selesaikan masalah saya." "Saya perlu buat sesuatu, supaya masalah saya tidak berterusan."
Persediaan/ <i>Preparation</i>	Komitmen untuk bertindak. Tukar cara pemikiran tentang kehidupan dan tingkahlaku. Contoh dialog: "Saya seorang penagih dadah." "Dadah menyusahkan hidup saya dan saya perlukan bantuan." "Saya dah buat keputusan untuk berubah tetapi tidak tahu bagaimana nak melakukannya." "Saya tahu saya boleh berubah, tetapi saya perlukan maklumat."
Tahap / Stage	Takrifan
Tindakan/ <i>Action</i>	Perubahan berlaku dengan hidup bermatlamat. Contoh dialog: "Saya berusaha keras untuk berubah." "Bukan mudah untuk berubah tapi saya sudah cuba banyak kali." "Walaupun banyak cabaran, tapi saya yakin boleh melakukan perubahan."

Pengekalan/
Maintenance

Berusaha untuk mengekalkan perubahan. Biasanya enam bulan atau lebih dalam pemulihan.

Contoh dialog:

"Saya tidak akan ulang perbuatan dahulu setelah bersusah payah hingga tahap ini."

"Saya sukar untuk kekalkan usaha ini tapi saya akan cuba."

Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti perbezaan tahap kesediaan untuk berubah antara klien sukarela dan klien di bawah perintah mahkamah melalui temubual yang dilaksanakan oleh kaunselor pelatih di dua pusat pemulihan yang dikaji.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan melalui keadah kuantitatif dengan menggunakan senarai semak sebagai instrumen untuk mengumpul data. Seramai 21 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Bimbingan & Kaunseling) tahun 3 dan 6 orang pelajar Sarjana Klinikl Kesihatan Mental Kaunseling (KKMK) terlibat dalam temubual bersama klien di dua institusi yang berbeza iaitu Pusat Pemulihan Persendirian (PPP) dan Pusat Pemulihan Agensi Kerajaan di negeri Selangor. Seramai 27 orang klien sukarela daripada Pusat Pemulihan Persendirian dan 27 orang klien di bawah Perintah Mahkamah daripada Pusat Pemulihan Agensi Kerajaan ditemu bual oleh 27 kaunselor pelatih. Jadual 1 di atas adalah panduan bagi kaunselor pelatih membuat interpretasi tahap kesediaan untuk berubah klien yang mereka temubual. Kaunselor Pelatih dikehendaki menjawab senarai semak yang diedarkan melalui borang eletronik atas talian. Senarai semak mengandungi lima bahagian iaitu maklumat diri, Tahap Kesediaan untuk Berubah dalam Kalangan Klien Pemulihan Dadah, Perbandingan antara Klien Sukarela dan Klien di Bawah Perintah Mahkamah, refleksi temubual dan pengisian kursus. Data dianalisis secara manual untuk mendapatkan dapatan deskriptif kajian.

Dapatan Kajian

Jadual 2 menunjukkan taburan peratusan sampel mengikut jantina. Kajian ini melibatkan 27 kaunselor pelatih. Seramai 16 orang kaunselor pelatih perempuan atau 59.3% manakala kaunselor pelatih lelaki adalah sebanyak 11 orang atau 40.7%.

Kajian ini melibatkan 21 orang kaunselor pelatih Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) atau 77.8% manakala seramai 6 orang kaunselor pelatih Ijazah Sarjana (Klinikl Kesihatan Mental Kaunseling) atau 22.2%.

Jadual 2: Deskriptif Kajian

	Bilangan	Peratus (%)
Jantina:		
Lelaki	11	40.7
Perempuan	16	59.3
Tahap Pendidikan:		
Kaunselor Pelatih ISMP Tahun 3	21	77.8
Kaunselor Pelatih KKMK	6	22.2

Jadual 3 menunjukkan taburan tahap kesediaan untuk berubah klien sukarela dan klien di Bawah Perintah Mahkamah yang dinilai oleh kaunselor pelatih melalui pemerhatian mereka semasa temubual.

Bagi klien sukarela, 12 orang berada di tahap tindakan (44.4%) diikuti tahap pengekalan seramai 9 orang (33.4%). Terdapat 3 orang (11.1%) berada di tahap pertimbangan dan persediaan.

Bagi klien di Bawah Perintah Mahkamah mencatatkan 9 orang berada di tahap tindakan (33.3%) diikuti tahap pertimbangan seramai 6 orang (22.2%), 5 orang (18.5%) berada di tahap pengekalan dan pertimbangan serta 2 orang (7.5%) berada di tahap pra-pertimbangan.

Terdapat persamaan dari segi peratusan tahap Tindakan di mana kedua-dua golongan klien berada di tahap Tindakan iaitu 44.4% (Klien Sukarela) dan 33.3% (Klien di bawah Perintah Mahkamah). Tahap Tindakan adalah tahap di mana perubahan telah berlaku dengan hidup bermatlamat, biasanya berlaku dalam 3-6 bulan.

Terdapat 7.5% klien di bawah perintah mahkamah yang masih berada di tahap pra-pertimbangan iaitu tahap tidak langsung fikir untuk berubah, secara sengaja atau tidak sengaja elak berubah. Klien yang berada di tahap ini tidak berfungsi dalam kehidupan iaitu defensif, tidak komited, pasif dalam rawatan, memberi alasan dan sering rasa tertekan.

Jadual 3: Taburan Tahap Kesediaan untuk Berubah Klien Sukarela dan Klien bawah Perintah Mahkamah

Tahap Kesediaan untuk Berubah	Klien Sukarela		Klien di bawah Perintah Mahkamah	
	Bilangan	Peratusan	Bilangan	Peratusan
Pra-Pertimbangan/ <i>Precontemplation</i>	0	0	2	7.5
Pertimbangan/ <i>Contemplation</i>	3	11.1	6	22.2
Persediaan/ <i>Preparation</i>	3	11.1	5	18.5
Tindakan/ <i>Action</i>	12	44.4	9	33.3
Pengekalan/ <i>Maintenance</i>	9	33.4	5	18.5
Jumlah	27	100	27	100

Jadual 4: Memaparkan dialog yang disenaraikan oleh kaunselor pelatih berkenaan dengan tahap kesediaan untuk berubah klien.

Tahap Kesediaan untuk Berubah	Dialog Klien Sukarela	Dialog Klien di Bawah Perintah Mahkamah
	Tiada	P16: Saya rasa bila saya kat sini, lepas keluar nanti saya macam makin berani nak buat benda lain pula.
Pra-Pertimbangan/ <i>Precontemplation</i>		P23: Saya okay saja. Kalau tak ditangkap, saya takkan datang sini pun.

*Pertimbangan/
Contemplation*

S11: Saya perlu buat sesuatu, supaya masalah saya tidak berterusan.

S23: Saya sedang fikir untuk tinggalkan dadah, tapi saya perlukan masa dan bantuan.

S27: Saya tahu dadah dah merosakkan hidup saya. Saya dah penat. Tapi, saya tak tahu macam mana nak berhenti.

P2: Klien macam agak teragak nak bercerita dan yakin lepas keluar puspen dah ada kerja yang keluarga boleh beri.

P3: Disebabkan klien masih terngiang-ngiang dengan triggers yang dihadapinya.

P4: Saya ada mengikuti kelas dan program dekat sini dan saya dapat banyak perkara dari sana tapi saya belum ada lagi persediaan apa-apa untuk keluar dari sini.

P6: Saya terlibat dengan dadah ni sebab saya perlu melakukan dua kerja dalam satu hari.

P19: Saya nak berubah nak jaga mak ayah saya tapi saya masih lagi perlukan sokongan untuk tidak terjerumus semula.

P27: Saya nak hidup normal macam orang lain. Nak kerja, nak jaga keluarga. Tapi, saya takut saya tak cukup kuat untuk berubah.

Tahap Kesediaan untuk Berubah	Dialog Klien Sukarela	Dialog Klien di Bawah Perintah Mahkamah
<i>Persediaan/ Preparation</i>	S6: Saya kadang confidents nak berubah harini tapi bila esok tiba saya jadi macam tak yakin untuk keluar, takut terlibat balik dengan dadah.	P7: Dekat luar saya tidak dapat bantuan dan maklumat untuk berubah tetapi di dalam sini saya mendapat semua itu.
	S15: Lepas keluar ni, saya nak baiki hubungan lah dengan anak – anak	P8: Keluar daripada ini saya nak cari kerja dan mula hidup baru.
	S25: Saya ingin buat yang terbaik di sini, tidak buat kacau, ikut semua arahan dan tunggu panggilan mahkamah untuk keputusan seterusnya. Saya taknak	P9: Saya dah taknak ambil dadah sebab saya dah penat terlibat dengan gejala dan takut ia sebat dengan badan saya. P13: Tiada pilihan lain kecuali berubah.

	susahkan mak ayah saya lagi dan baiki kereta.	P15: Sebenarnya saya tak sabar nak keluar ni, saya nak jadi bapa yang baik untuk anak anak saya nanti.
	S1: Walau banyak cabaran, tapi saya yakin boleh berubah	P1: Walau banyak cabaran, tapi saya yakin boleh berubah.
	S2: Bagi saya dadah tu macam api, awal je best lama lama makan diri. Memang boleh bawa gila saya tak nak. Saya nak capai balik banyak hasrat saya. Nak sedarkan masyarakat juga jangan terlibat.	P5: Saya sedih dan nak berubah sebab ibu saya. P11: Bukan mudah untuk berubah tapi saya sudah cuba banyak kali kerana saya tidak suka duduk sini.
Tindakan/ Action	S3: Klien dengan rela hati memasuki ousat pemulihan dadah ini. Klien juga dapat memahami apa koduk yabg diterapkan disana meunjukkan dia memahami apa yang sedah berlaku disekelilingnya.	P14: Saya sibukkan diri dengan aktiviti di sini dan selalu nya tak ada masa nak ingat barang. Peraturan sini ketat. P17: Saya kena stop la dengan gian2 ni.. sampai bila saya nak jadi macamni, mak ayah saya makin tua saya pun makin tua. Saya nak berubah dan bina kehidupan baru di luar.
	S4: Saya dah hampir 3 tahun tak ambil dadah. Kalau ada trigger apa apa saya akan cuba untuk sibukkan diri untuk lupakan rasa nak ambil lagi.	P18: Saya berharap agar dapat teruskan usaha saya untuk tidak terlibat dengan dadah lagi.
	S7: Saya sudah pernah berhenti, dan saya ingin cuba berhenti lagi.	

Tahap Kesiediaan untuk Berubah	Dialog Klien Sukarela	Dialog Klien di Bawah Perintah Mahkamah
	S9: Saya nak cuba berubah, sebab saya taknak kembali kepada benda tersebut.	P20: Nak berhenti dari ambil dadah sebab sejak ditangkap hanya keluarga menjadi semangat saya untuk berubah total, lagi bila macam ni saya tak nak susahkan adik beradik saya, nak kerja dan kahwin.
	S13: Saya akan cuba untuk tidak relapse lagi.	
	S16: Kalau saya kat luar nanti saya akan berusaha utk tidak ambil selama 6 bulan, jika berjaya saya akan sambung lagi enam bulan.	P22: Dadah telah menghancurkan harapan keluarga saya dan saya perlu berubah agar tidak mengecewakan mereka lagi.
	S17: Walau macam mana sekali pun saya nak keluar dari sini	

Tindakan/ <i>Action</i>	dalam masa 8 bulan lagi, sebab saya nak jaga ayah saya sakit.. saya takut tak sempat nak jaga mak ayah saya lagi.	P25: Setakat ini saya dah cuba berikan yang terbaik di sini, saya patuh arahan dan tugas yang diberikan. Saya nak berubah dan pulihkan diri sepenuhnya di sini dahulu sebelum balik ke pangkuan anak dan keluarga, mereka sokong saya sepenuhnya dan tidak pernah buang saya, sudah tiba masanya untuk saya jadi bapa yang baik kepada mereka.
	S19: Saya nak berubah, saya percaya kalau saya keluar dari sini saya akan jatuh balik, saya kat sini baca peningkatan dari segi solat, pandai baca al-Quran .	
	S22: Saya akan tinggalkan dadah demi keluarga yang sentiasa menyokong saya. Selepas keluar dari sini, saya akan pindah supaya tidak berjumpa dengan kawan-kawan lama.	
	S24: Alhamdulillah saya sedia untuk berubah dan saya rasa bersyukur kerana ada sokongan daripada keluarga.	
Pengekalan/ <i>Maintenance</i>	S5: Manusia ni ada tahap-tahap keseronokan dia. Sekarang saya rasa saya akan fokus diri saya , cari kerja , kumpul duit dan kahwin.	P10: Saya nanti keluar, saya mahu duduk Johor. Situ saya pernah sebelum ni 3 tahun clean kalau duduk sana kerja” Klien ingin keluar daripda circle yang mempengaruhi klien daripda mengambil bahan.
	S8: Kalau orang offer barang tu saya memang betul-betul tolak.	

Tahap Kesediaan untuk Berubah	Dialog Klien Sukarela	Dialog Klien di Bawah Perintah Mahkamah
Pengekalan/ <i>Maintenance</i>	S10: Saya sudah 8 bulan tidak ambil bahan. Saya lagi dua bulan akan keluar.	P12: Dah tak nak ambil barang sebab banyak dah buang masa.
	S12: Lepas ni nak nak pergi belajar dekat luar negara.	P21: Hal ini kerana bagi klien tersebut, klien sudah tidak sabar Untuk keluar dari pusat pemulihan. Klien juga sudah bersedia Untuk menghadapi semua ujian Untuk klien keluar dari pusat pemulihan itu.
	S14: Dah lama saya tak ambil barang. Dah setahun lebih. Saya keluar nanti saya nak pergi tempat baru.	
	S18: Saya berazam saya berhenti dadah hari demi hari, saya tak tahu bila pula saya nak hisap balik, saya harap encik doakanlah.	P24: Taknak buat dah ambil barang terlarang ni, keluarga susah, anak susah, hidup susah, memang lepas ni dah tak nak ambil dah.

S20: Saya tak nak dah ambil dadah, nak bawa mak ayah pergi umrah, nak jadi anak yang berbakti.

P26: Tiada benda yang lebih sedap daripada kepulihan.

S21: Klien menyatakan tidak mahu mengulangi kesilapan yang sama dan bersedia untuk berubah. Beliau juga tidak mahu usahanya berlalu begitu sahaja.

S26: Saya dah 6 bulan di sini dan tak ambil dan saya tekad taknak ambil.

Perbincangan

Terdapat persamaan dari segi peratusan tertinggi di mana kedua-dua golongan klien berada di tahap tindakan. Tahap tindakan adalah tahap di mana perubahan telah berlaku dengan hidup bermatlamat. Pada tahap ini, klien bersedia dengan cabaran yang akan dihadapi serta membina kemahiran dalam kehidupannya. Cabaran terbesar adalah bagaimana klien kekalkan tindakan yang dilakukan di peringkat ini. Untuk menjadi kebiasaan, tingkah laku baru mesti disepadukan ke dalam gaya hidup individu. Kaunselor boleh menyokong klien dalam peringkat pengekalan dengan membantu mereka kekal bermotivasi, kenal pasti pencetus yang mungkin membawa kepada kembali kepada penyalahgunaan dadah atau bahan, serta membangunkan rancangan untuk mengatasi pencetus situasi apabila mereka timbul. Kaunseling pencegahan berulang (RPC) menggunakan gaya kaunseling motivasi boleh menghalang kembali kepada penyalahgunaan bahan dan membantu pelanggan memasuki semula kitaran perubahan dengan cepat jika mereka kembali kepada penggunaan bahan (Rockville (MD), 2019).

Terdapat 7.5 % klien di bawah perintah mahkamah yang masih berada di tahap pra-pertimbangan iaitu tahap tidak langsung fikir untuk membuat perubahan, tiada motivasi juga untuk berubah. Kebiasaan, klien di tahap berasa di tahap puas hati dengan cara kehidupan semasa atau kurang maklumat tentang cara untuk berubah. Bagaimana kaunselor membantu klien berubah daripada pra-pertimbangan kepada pertimbangan? Kaunselor seharusnya tidak menilai tentang motivasi rendah klien untuk berubah dan sebaliknya memberi tumpuan kepada membina hubungan yang kukuh dengan klien. Seterusnya, kaunselor mengenali pandangan semasa klien tentang perubahan dan menanganinya atau sebab-sebabnya untuk tidak mahu berubah daripada memahami bagaimana keadaan sedia ada itu berlaku. Strategi utama untuk membantu klien beralih dari tahap pra-pertimbangan berubah ke tahap pertimbangan adalah untuk meningkatkan tahap kebimbangan dan kesedaran tentang risiko yang berkaitan dengan tingkah laku mereka terhadap penggunaan dadah atau bahan semasa. Jika klien masih tiada keinginan untuk membuat perubahan maka kaunselor boleh melibatkan ahli keluarga dan orang lain yang penting bagi klien yang boleh meningkatkan kebimbangan klien terhadap penyalahgunaan dadah atau bahan. (Rockville (MD), 2019).

Merujuk jadual 3, kita dapat melihat di mana 88.9% daripada jumlah klien sukarela bersedia dan bertindak serta pengekalan dalam perubahan. Klien di bawah Perintah Mahkamah juga mencatatkan 70.3% klien yang bersedia dan bertindak serta pengekalan dalam perubahan.

Situasi mempamerkan kesan positif ke atas kesediaan untuk berubah di kedua-dua pusat pemulihan. Situasi ini dapat mengaitkan dengan motivasi intrinsik memainkan peranan penting dalam mendorong perubahan tingkah laku. Untuk meningkatkan kegigihan seseorang dalam tindakan tertentu, ia amat digalakkan bahawa lokus sebab-akibat dan kawalan harus bergerak dari dalam kepada luar. Motivasi harus lebih ditentukan oleh diri sendiri, bersepadu, dan intrinsik (Gloria Chan, Lo, Cherry Tam, & Gabriel Lee, 2019). Klien yang hadir pusat pemulihan secara sukarela cenderung untuk mempunyai kesedaran sendiri yang lebih tinggi dan telah melepasi fasa-fasa awal perubahan seperti pra-pertimbangan dan pertimbangan.

Dapatan kajian di jadual 3 menunjukkan 70.3% klien di bawah Perintah Mahkamah berada di tahap bersedia, bertindak serta pengekalan untuk berubah. Menurut kajian Knight, Hiller, Broome, & Simpson (2000), mereka yang berada di bawah tekanan undang-undang kekal dalam rawatan lebih lama, tanpa mengira kesediaan rawatan. Walau bagaimanapun, kesediaan motivasi untuk rawatan membantu pengekalan. Ini menimbulkan persoalan sama ada tindakan mereka benar-benar mencerminkan perubahan tingkah laku yang mampan atau sekadar kepatuhan sementara terhadap kehendak mahkamah. Justeru, pentingkan kaunseling penyalahgunaan dadah dalam membantu klien untuk pastikan klien betul-betul bersedia untuk berubah supaya dapat memberi pelan rawatan yang berkesan terhadap keperluan klien.

Daripada refleksi pandangan kaunselor pelatih sebelum dan selepas menjalani sesi temubual dengan klien, kebanyakan kaunselor pelatih mempunyai stigma negatif terhadap klien pemulihan dadah. Selepas menjalani sesi temubual dengan klien pemulihan dadah, mereka merasakan rasa empati, tanggungjawab membantu klien untuk berubah. Kesemua kaunselor pelatih setuju bahawa temubual bersama klien di pusat pemulihan memberi pengalaman praktis apa yang telah dipelajari. Justeru, program lawatan ke lapangan harus dijalankan sebagai salah satu komponen yang termasuk dalam sukatan pelajaran supaya praktis lapangan dapat diterapkan untuk memberi pengalaman sebenar dengan klien pemulihan dadah.

Kesimpulan Dan Cadangan Masa Hadapan

Secara keseluruhan, dapatan deskriptif menunjukkan bahawa klien sukarela lebih bersedia dan cenderung untuk berubah berbanding klien di bawah Perintah Mahkamah yang dikaji. Tahap tindakan adalah peratusan yang paling tinggi untuk kedua-dua pusat pemulihan dan ini telah menunjukkan kesan positif terhadap pemulihan dadah yang dijalankan. Oleh itu, kaunselor hendak memahami keperluan klien untuk berubah supaya dapat merangka strategi intervensi yang berkesan untuk klien. Faktor motivasi dalaman serta sokongan struktur yang bersesuaian untuk meningkatkan keberkesanan proses kaunseling dan perubahan tingkah laku serta membantu pengekalan klien dalam rawatan.

Cadangan penyelidikan yang akan datang berfokus lebih mendalam untuk modul bagaimana membantu klien pemulihan dadah berubah daripada tahap pra-pertimbangan atau pertimbangan kepada persediaan serta tindakan. Modul penting dalam memberi bimbingan kepada kaunselor pelatih untuk membantu klien dengan lebih berstruktur serta memberi rawatan pemulihan yang lebih berkesan kepada klien. Oleh kerana, kajian ini hanya diadakan sekali sahaja, penyelidikan mencadangkan bahawa temubual ini boleh dijalankan dalam berapa sesi susulan untuk mengesahkan tahap kesediaan untuk berubah klien yang lebih tepat.

Acknowledgements

Terima kasih diucapkan kepada penyelia saya Dr. Norsayyidatina Binti Che Rozubi dan Dr Syazwana Binti Aziz atas tunjuk ajar. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Dr Puteri Hayati Binti Megat Ahmad yang banyak memberi bimbingan untuk projek ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris memberi kebenaran untuk menjalankan projek ini. Terima kasih kepada kaunselor pelatih yang terlibat dalam menjayakan program ini.

Bibliografi

- Ahli Majlis Agensi Antidadah Kebangsaan. (2024). *Statistik Penyalahgunaan Dadah dan Bahan Tahun 2018 sehingga September 2024*. Kajang, Selangor: Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan, Agensi Antidadah Kebangsaan.
- Carvalho, J., & Garner, D. (2019). Understanding Substance Abuse: Conceptual Models, Education and Training. *International journal of humanities and social sciences*, Vol. 9, No. 7, 1-7. <https://doi:10.30845/ijhss.v9n7p1>
- Connors, G., Donovan, D., & Diclemente, C. (2001). *Substance Abuse Treatment and the Stages of Change*. New York, London: The Guilford Press.
- Gloria Chan, H., Lo, T., Cherry Tam, H., & Gabriel Lee, K. (2019). Intrinsic Motivation and Psychological Connectedness to Drug Abuse and Rehabilitation: The Perspective of Self-Determination. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 16(11):1934. <https://doi.org/10.3390/ijerph16111934>
- Hector, C. (2019). Theoretical Perspective of Traditional Counselling. *International Journal of Research in Humanities and Social Studies*, Volume 6, Issue 5, 2019, PP 8-19. <https://dx.doi.org/10.5772/intechopen.90418>
- Knight, K., Hiller, M., Broome, K., & Simpson, D. (2000). Legal Pressure, Treatment Readiness, and Engagement in Long-Term Residential Programs. *Journal of Offender Rehabilitation*, 31(1):101-115. https://doi.org/10.1300/J076v31n01_07
- Mohd Norarshad, N., Nur Faziera Yaakub, T., & Christopher, P. (2021). Peranan Komuniti Setempat dalam Memerangi Jenayah Sosial di Daerah Timur Laut, Pulau Pinang, Malaysia. *Malaysian Journal of Tropical Geography*, 47(1&2): 143-163. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/MJTG/article/view/35197/14328>
- Mohd Radhi, A., Fazliyaton, R., & Mohd Faizal, A. (2023). *Kaunseling Penyalahgunaan Bahan*. Kuala Nerus, Terengganu: Penerbit Universiti Malaysia Terengganu.
- National Institute on Drug Abuse. (2018). *Principles of Drug Addiction Treatment: A Research-Based Guide (Third Edition)*. Gaithersburg: U.S. Department of Health and Human Services. <https://nida.nih.gov/sites/default/files/podat-3rdEd-508.pdf>
- Puteri Hayati, M. (2018). *Modul Rawatan Adaptasi Motivational Interviewing, AMI Kaunseling Individu/ Bimbingan Berstruktur Sepuluh Sesi*. Kota Kinabalu, Sabah: Penerbit Fakulti Psikologi dan Pendidikan, UMS.
- Rockville (MD). (2019). Treatment Improvement Protocol (TIP) Series, No. 35. Chapter 4— From Precontemplation to Contemplation: Building Readiness. In *Enhancing Motivation for Change in Substance Use Disorder Treatment: Updated 2019*. US: Substance Abuse and Mental Health Services Administration (US).
- Rockville (MD). (2019). Treatment Improvement Protocol (TIP) Series, No. 35.) Chapter 7 - From Action to Maintenance: Stabilizing Change. In Rockville (MD), *Enhancing Motivation for Change in Substance Use Disorder Treatment: Updated 2019*. US: Substance Abuse and Mental Health Services Administration (US).
- Suppiah, N., Sandra Piriya Perumalsamy Fatimah, H., & Harikrishnan, A. (2014). *Penyalahgunaan Dadah dan Langkah Mengatasi dari Segi Kognisi di Pusat Pengasih*

Malaysia. *Jurnal Peradaban Melayu*, 176-184.
<https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPM/article/view/1997/1457>